



**JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

GARIS PANDUAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN EKSPLORATORI (ERGS)

(PINDAAN TAHUN 2012)

**BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT (BPKI)
JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
ARAS 7, NO.2, MENARA 2,
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA**

**NO.TEL. : +603 – 8870 6000 ext 6973 / 4571
NO. FAKS : +603 – 8870 6867
EMAIL : ergsbpki@mohe.gov.my**

SENARAI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)	3
1.1 Falsafah	3
1.2 Definisi	3
1.3 Tujuan	3
1.4 Bidang Penyelidikan	3
1.5 Syarat-syarat Permohonan	4
1.6 Peraturan Permohonan	5
1.7 Kriteria Penilaian	6
1.8 Peraturan Kewangan	6
1.9 Hasil Penyelidikan	9
1.10 Pengumuman Tarikh Buka dan Tutup Permohonan	10
BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)	10
2.1 Penilaian Skim Geran Penyelidikan Eksploratori	10
BAHAGIAN 3 (PEMANTAUAN)	11
3.1 Implementasi Projek	11
3.2 Pengawalan Projek	11
BAHAGIAN 4 (KEPUTUSAN)	13
4.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	13
BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)	13
5.1 Ketua Projek Berhenti bertugas di IPT/Berpindah IPT	13
BAHAGIAN 6 (PERANAN)	
6.1 Peranan Penyelidik	14
6.2 Peranan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)	14
6.3 Peranan Jawatankuasa Penilaian	14
6.4 Peranan Jabatan Pengajian Tinggi (JPT)	15

BAHAGIAN 1

PERMOHONAN

1.1 FALSAFAH

Sebagai sebuah negara yang beraspirasi untuk menjadi negara maju, Malaysia perlu menyuburkan budaya penyelidikan. Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) dapat menggalakkan penyelidikan awal dan menggalakkan penerokaan ilmu yang boleh menjana dan memantapkan ilmu untuk menyumbang kepada peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara.

1.2 DEFINISI

Penyelidikan Eksploratori merupakan penyelidikan yang boleh menjawab persoalan tentang “apa” dan “di mana”. Penyelidikan jenis ini dapat menjana idea baru dalam sesuatu domain ilmu yang belum diteroka sepenuhnya. Penyelidikan eksploratori pada dasarnya bertujuan mencari sesuatu yang baru dan menyingkap rahsia yang terkandung dalam domain ilmu tersebut. Di samping membantu ke arah penjana disiplin baru, penyelidikan eksploratori juga dapat mengenalpasti masalah yang berkaitan dalam bidang-bidang penyelidikan tertentu.

1.3 TUJUAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk menggalakkan *inquisitive minds*, meneroka idea dan konsep baru yang dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baru dan penciptaan yang inovatif yang boleh mengembangkan sempadan ilmu.

1.4 BIDANG PENYELIDIKAN

Pembiayaan geran ERGS meliputi bidang-bidang yang dapat menyokong agenda strategik negara. Bidang-bidang yang dikenalpasti adalah:-

- A. Sains Tulen dan Gunaan (*Pure and Applied Sciences*)
- B. Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*)

- C. Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*)
- D. Sains Sosial (*Social Sciences*)
- E. Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*)
- F. Sains Tabii dan Warisan Negara (*Natural Sciences and National Heritage*)
- G. Pertahanan dan Keselamatan (*Defence and Security*)
- H. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*)

1.5 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik IPTA dan IPTS dengan syarat-syarat berikut:-

- 1.5.1 Warganegara Malaysia; dan
- 1.5.2 Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah); atau
- 1.5.3 Kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama bertaraf tetap.
- 1.5.4 Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia dan bertaraf tetap.
- 1.5.5 Permohonan dari Universiti Cawangan perlu mematuhi syarat-syarat berikut:-
 - 1.5.5.1 Ketua Penyelidik boleh bukan warganegara Malaysia dengan syarat penyelidik bersama mestilah warganegara Malaysia.
 - 1.5.5.2 Geran penyelidikan mestilah digunakan dalam negara.
 - 1.5.5.3 Ketua Penyelidik tidak dibenarkan memegang lebih dari dua geran penyelidikan yang lain, setelah mengetuai di Geran Penyelidikan LRGS, FRGS atau PRGS.
- 1.5.6 Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakukan pada setiap fasa.

- 1.5.7 Permohonan baru bagi mereka yang telah diluluskan Geran Penyelidikan Eksploratori pada fasa yang terdahulu akan diberi pertimbangan dengan mengemukakan bukti tahap selesai projek pada kadar 75 peratus.
- 1.5.8 Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu RM 300,000.00.
- 1.5.9 Setiap Projek Penyelidikan yang dipohon diharap dapat melahirkan Modal Insan dalam penyelidikan seperti mana yang termaktub dalam RMKe-10. Sehubungan dengan itu, bagi:-
- (i) Projek dua (2) tahun:-
 - disyaratkan dapat melatih sekurang-kurangnya seorang pelajar Sarjana atau PhD.
- 1.5.10 Pensyarah yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 1.5.11 Ketua Penyelidik yang berpindah universiti hendaklah melepaskan kedudukan sebagai ketua. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.

1.6 PERATURAN PERMOHONAN

- 1.6.1 Permohonan untuk Skim Geran Penyelidikan Fundamental perlu menggunakan **Borang ERGS-A1(R)**-(Borang Permohonan Skim Geran Penyelidikan Eksploratori) yang terkini dari Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi.
- 1.6.2 Permohonan untuk Skim Geran Penyelidikan Eksploratori dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati bidang (perenggan 1.4) dan syarat (perenggan 1.5) di atas.
- 1.6.3 Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperakukan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) universiti masing-masing. Laporan penilaian hendaklah dikemukakan kepada pihak Urus Setia ERGS, KPT bersama-sama borang

permohonan tersebut. Hanya permohonan yang disokong oleh pihak RMC sahaja yang perlu dihantar ke KPT.

- 1.6.4 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran ERGS dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

1.7 KRITERIA PENILAIAN

- 1.7.1 Kajian awal ke atas idea baru dan masih belum diuji.
- 1.7.2 Meneroka idea penyelidikan baru yang berpotensi ke arah penjanaaan transformasi.
- 1.7.3 Aplikasi kepakaran baru atau pendekatan baru kepada tajuk penyelidikan yang mapan.
- 1.7.4 Kajian yang berkaitan dengan penyediaan kemudahan atau peralatan masalah yang mendesak dan amat diperlukan seperti bencana alam, antropogenik atau kejadian yang tidak diduga.
- 1.7.5 Kajian yang boleh mencetuskan penemuan segera dan inovatif.

1.8 PERATURAN KEWANGAN

1.8.1 **Vote 11000**

Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)

- 1.8.1.1 Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2000 untuk pelajar Ph.D dan RM1500 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT.

1.8.2 **Vote 21000**

Perjalanan dan Pengangkutan

1.8.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

1.8.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian) perlu memenuhi kriteria di bawah:-

- Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya ketua penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.

i. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan/seminar/bengkel/kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan.

ii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

iii. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing.

iv. Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

1.8.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40 peratus (40%) daripada jumlah keseluruhan projek.

1.8.3 Vote 24000

Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

1.8.4 Vote 27000

Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

1.8.5 Vote 28000

Baik pulih kecil dan ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Geran ini.

1.8.6 Vote 29000

Perkhidmatan Ikhtisas

Vote ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

(Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis)

Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan.

Jumlah perbelanjaan pula tidak melebihi 10% dari peruntukan Geran.

1.8.7 Vote 35000

Aksesori dan Peralatan

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan dibenarkan. Sila beri senarai dan justifikasi alat yang dipohon. Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% dari peruntukan geran.

1.9 HASIL PENYELIDIKAN

1.9.1 Penerbitan

Semua penyelidik mesti menerbitkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan dalam jurnal berwasit. Penghargaan kepada geran ERGS mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

1.9.2 Hak Harta Intelekt

1.9.2.1 Bagi projek yang dibiayai oleh geran ERGS, penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelekt di dalam negeri dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta Intelekt hasil geran ERGS menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT.

1.9.2.2 Pengurusan Harta Intelekt adalah menjadi tanggungjawab IPT.

1.9.3 Hasil Pengkomersilan

1.9.3.1 Hasil pengkomersilan dari projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran ERGS dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.

1.9.3.2 Untuk IPTA, hasil pengkomersilan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada.

1.9.3.3 Untuk IPTS, perincian hak milik pengkomersilan hendaklah dipersetujui dalam klausa kontrak.

1.10 PENGUMUMAN TARIKH BUKA DAN TUTUP PERMOHONAN

1.10.1 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

Pihak KPT akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) melalui surat rasmi kepada IPT.

BAHAGIAN 2

PENILAIAN

2.1 PENILAIAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN EKSPLOTORI

2.1.1 Permohonan Skim Geran Penyelidikan Eksploratori IPT akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.

2.1.2 Pengerusi-pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan memperakukan permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Induk Skim Geran Penyelidikan Eksploratori yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JPT untuk diluluskan.

2.1.3 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan JPT, Kementerian Pengajian Tinggi.

BAHAGIAN 3

PEMANTAUAN

3.1 IMPLEMENTASI PROJEK

Semua projek yang diluluskan di bawah Skim Geran Penyelidikan Eksploratori IPT perlu dipantau dari aspek:-

- (i) Prestasi projek; dan
- (ii) Prestasi kewangan.

3.2 PENGAWALAN PROJEK

3.2.1 Tiap IPT perlu mengisi dan menghantar kepada Urus Setia ERGS, KPT laporan prestasi dan kewangan projek penyelidikan ERGS yang terdiri daripada:-

- (i) **Borang ERGS - P1(R)**
 - Laporan Prestasi projek penyelidikan eksploratori di bawah Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS);
 - untuk diisi oleh setiap penyelidik di IPT; dan
 - perlu dihantar kepada pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing
- (ii) **Borang ERGS - P2(RMC)**
 - Laporan Keseluruhan Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT;
 - dihantar kepada Urus Setia ERGS, KPT sebelum 15 Februari dan 15 Ogos setiap tahun;
 - diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing sebanyak satu salinan; dan
 - perlu disertakan bersama-sama Borang ERGS-P1(R), ERGS-K1(RMC) dan ERGS-K2(RMC).

(iii) Borang ERGS - K1(RMC)

- Ringkasan Prestasi Kewangan bagi Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT;
- diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing; dan
- disertakan bersama-sama dengan Borang ERGS-P2(RMC).

(iv) Borang ERGS - K2(RMC)

- Laporan Perbelanjaan Kewangan bagi Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT;
- diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing; dan
- disertakan bersama - sama dengan Borang ERGS-P2(RMC).

- (v) Laporan akhir penyelidikan perlu dihantar dalam tempoh 6 bulan selepas projek disiapkan dengan menggunakan format IPT masing-masing.

3.2.2 Bagi Laporan Prestasi Projek Penyelidikan mengikut *milestone*/bulanan/ atau suku tahunan adalah terpulang kepada pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing dan ia tidak perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian melainkan terdapat arahan khusus mengenainya.

3.2.3 Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada pengurusan penyelidikan setiap IPT.

3.2.4 Pengurusan aset adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan penyelidikan setiap IPT. Aset adalah menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT dan sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

BAHAGIAN 4

KEPUTUSAN

4.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan

- 4.1.1 Surat kelulusan Projek akan disampaikan kepada Naib Canselor IPT dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT.
- 4.1.2 Pembayaran akan dibuat oleh KPT kepada IPT setelah surat kelulusan ERGS dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan Jawatankuasa Induk ERGS.

BAHAGIAN 5

LAIN-LAIN

Lain - Lain Hal

5.1 Ketua Projek Berhenti bertugas di IPT / Berpindah IPT

Geran Penyelidikan Eksploratori diluluskan dan diperakukan untuk sesebuah IPT. Jika berlaku seperti perenggan 5.1, geran tersebut masih di bawah kawal selia IPT yang diperakukan. Dengan itu, keputusan terhadap IPT tersebut akan digunapakai.

BAHAGIAN 6

PERANAN

6.1 PERANAN PENYELIDIK

- 6.1.1 Penyelidik perlu memohon serta memenuhi syarat-syarat permohonan seperti yang telah dikehendaki.
- 6.1.2 Penyelidik juga perlu mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan setiap 6 bulan sekali dan menghantar laporan akhir kepada RMC.

6.2 PERANAN PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

- 6.2.1 Menerima, menilai dan memperakui permohonan daripada penyelidik.
- 6.2.2 Menghantar permohonan yang diperakukan kepada KPT.
- 6.2.3 Memantau prestasi kemajuan penyelidikan setiap 6 bulan serta menerima laporan akhir penyelidikan daripada penyelidik.
- 6.2.4 Pihak RMC perlu menyerahkan laporan kemajuan kepada KPT.
- 6.2.5 Pihak RMC perlu mengadakan bengkel pemantauan dan penilaian setiap setahun sekali.
- 6.2.6 Pihak RMC perlu menghantar laporan akhir kepada KPT.

6.3 PERANAN JAWATANKUASA PENILAIAN

- 6.3.1 Meneliti dan memperakukan permohonan penyelidikan dalam masa yang ditetapkan.
- 6.3.2 Memaklumkan sebab-sebab kegagalan permohonan secara terperinci.
- 6.3.3 Menjaga etika dan kerahsiaan permohonan (Akta Kerahsiaan).

6.4 PERANAN JABATAN PENGAJIAN TINGGI (JPT)

- 6.4.1 Memaklumkan pelawaan permohonan ERGS kepada IPT
- 6.4.2 Menerima, memperakui dan memproses (perlantikan panel penilai) permohonan yang dihantar oleh RMC
- 6.4.3 Memaklumkan keputusan penilaian kepada IPT.
- 6.4.4 Menerima laporan kemajuan dan laporan akhir penyelidikan.
- 6.4.5 Mengeluarkan laporan tahunan pretasi penyelidikan.

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:



**URUS SETIA ERGS
PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT (BPKI)
JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
ARAS 7, NO.2, MENARA 2,
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA
NO.TEL. : +603 – 8870 6000 ext 6973 / 4571
NO. FAKS : +603 – 8870 6867
EMAIL : ergsbpki@mohe.gov.my**